

22 JAN 2003

NAM-Palestin/I

PALESTIN GESA NEGARA ANGGOTA NAM LAKSANA LANGKAH PRAKTIKAL

Oleh: R.Ravichandran

KUALA LUMPUR, 22 Jan (Bernama) -- Palestin menggesa negara anggota Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) melaksanakan pelbagai langkah praktikal bagi menangani isu rakyat Palestin termasuk memutuskan hubungan diplomatik dengan Israel.

Duta Palestin ke Malaysia Ahmad Al-Farra berkata Palestin juga mahu negara-negara NAM memboikot barangan dan produk keluaran penduduk Israel yang menduduki tanah milik rakyat Palestin.

Beliau berkata sudah tiba masanya bagi NAM dan negara-negara anggota untuk melaksanakan langkah-langkah praktikal dan tidak hanya menerima pakai resolusi yang telah diamalkan lebih 50 tahun.

Al-Farra berkata langkah seumpama itu akan memaksa Israel mengubah dasar tiada tolak ansurnya terhadap rakyat Palestin. Israel telah mengambil langkah tegas bagi menumpaskan perjuangan intifada rakyat Palestin yang telah mengakibatkan lebih 2000 rakyat Palestin terbunuh sejak dua tahun lepas.

"NAM sentiasa menerima pakai resolusi baik tetapi tiada satu daripadanya telah dilaksanakan...tiada sebarang tindakan telah diambil dan kini kami meminta bagi diambil tindakan dan NAM mempunyai hak untuk mengambil tindakan," katanya kepada Bernama dalam satu temubual di pejabatnya di sini.

Al-Farra berharap pemimpin 114 negara anggota NAM yang akan berkumpul di Malaysia bulan depan akan membantu mencapai impian itu. Kuala Lumpur akan menjadi tuan rumah sidang kemuncak NAM ke-13 dari 20 hingga 25 Feb.

"Kami mahu NAM terutamanya Malaysia yang terkenal bagi sokongan kuatnya terhadap perjuangan rakyat Palestini dan juga Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) sebagai pemimpin terkemuka di Dunia Ketiga untuk berbuat demikian. Kami berharap NAM akan membangunkan pendiriannya daripada kedudukan tradisional kepada kedudukan praktikal," katanya.

Al-Farra berkata Palestin kini bukan sahaja berada di bawah kuasa tentera Israel tetapi juga pendudukan oleh penduduk Israel yang terus memperluaskan penempatan mereka di tanah orang Palestin.

Menurut beliau, banyak barangan seperti buah-buahan, produk pertanian dan pakaian dari kawasan penempatan itu yang telah dieksport secara langsung atau melalui negara-negara ketiga ke banyak negara-negara anggota NAM.

"Kami mahu NAM bertindak dan bukan setakat mengutuk...untuk mengguna pakai dasar-dasar praktikal. Boikot semua produk yang dihasilkan oleh penduduk terbabit oleh semua negara anggota NAM...laksanakan sekatan," katanya.

Ditanya sama ada langkah itu akan menjejaskan kehidupan rakyat Palestin, Al-Farra berkata tidak, kerana ramai pekerja yang bekerja di kawasan berkenaan adalah dari Eropah Timur serta dari kawasan penempatan Israel.

"Biar Amerika faham akan dasar ini...biar mereka faham bahawa negara-negara Dunia Ketiga bukan merupakan negara-negara yang hidup hanya untuk makan dan tidur.

"Kita juga ada hak seperti lain-lainnya. Biar mereka hormati hak-hak kita. Mereka akan paksa Israel mengubah dasar-dasarnya (terhadap rakyat Palestin). Jika dasar ini diguna pakai, rakyat Israel akan berfikir seribu kali sebelum membina penempatan-penempatan," katanya.

Beliau menganggarkan terdapat kira-kira 200,000 penduduk Israel di

Tebing Barat dan 6,000 lagi di Gaza.

Isu pendudukan rakyat Israel dan penempatan haram di atas tanah rakyat Palestin merupakan satu daripada isu kontroversi dalam proses damai Asia Barat.

Mengenai isu memutuskan hubungan diplomatik, Al-Farra berkata negara-negara anggota NAM yang mempunyai hubungan diplomatik dengan Tel Aviv patut memutuskan hubungan dengan regim itu.

"Kami bukan meminta diadakan perang atau menggesa mereka melancarkan perang terhadap penduduk Israel tetapi sekurang-kurangnya biar mereka sedar bahawa terdapat pelbagai langkah yang boleh dilaksanakan. Ini akan memaksa Israel untuk mengubah dasar-dasarnya," katanya.

Selain membangkitkan isu-isu berkenaan pada sidang kemuncak NAM akan datang, Al-Farra berkata Palestin juga akan menyentuh mengenai masalah yang sedang dihadapi berhubung kekejaman Israel seperti memusnahkan rumah dan infrastruktur, rakyat Palestin, bantuan ekonomi dan pengepungan tentera Israel di bandaraya dan perkampungan penduduk Palestin.

Untuk berita berkaitan NAM, sila layari www.nam2003.com

-- BERNAMA

RV AZZ RHM